



# UCAPANDASAR

PERHIMPUNAN AGUNG  
PERGERAKAN PEMUDA UMNO 2022

# TERUS BANGKIT

**DR ASYRAF WAJDI DUSUKI**  
KETUA PEMUDA UMNO MALAYSIA



**11-12 JAN 2023**  
DEWAN MERDEKA WTCKL



Mohd Hafeez Bin Che Mat • Iszuwan Bin Ismail • Dato Dr. Asyraf Wajdi Bin Dusuki • Shahril Sufian Bin Hamdan • Dato Hasmuni Bin Hassan • Johari Bin Yazid • Mohd Shahar Bin Abdullah • Mohd Lassim Bin Burhan • Azril Rizal Yusof Bin Mohd Sarit • Ikmal Hazlan Bin Ikmal Hisham • Muhammad Faiz Bin Hashim • Muhamad Muqharabbin Bin Mokhtarrudin • Afriz Bin Mohd Noor • Mohamad Amin Bin Othman • Dato Dr Najmil Faiz Bin Mohamed Aris • Mustafa Shah Bin Abdul Hamid • Rais Bin Yasin • Syed Atif Bin Syed Abu Bakar • Mohd Adha Bin Zainal Aznam • Muhammad Faizal Bin Sufar • Mohd Hafiz Bin Ariffin • Andi Muhammad Suryady Bin Bandy • Mohamad Fazly Bin Zainudin • Dato Shahru



Nasrun Bin Dato Kamarudin • Fairuz Edzuan Bin Jamaludin • Bastien Onn • Mohd Hafidz Bin Yakubah Khan • Sufian Bin Abd Karim • Mohd Hilmi Bin Elias • Mohd Hafiz Bin Ariffin • Muhammad Farhan Bin Khairuddin • Mohd Fariz Bin Abd Hadi • Nik Saiful Adli Bin Burhan • Afif farhi Bin Othman • Faridzul Azlan Bin Abd Shani • Fadzmel Bin Fadzil • Syahril Izham Bin Abd Malik • YB Rizam Bin Ismail • Mohd Farid Bin Mohd Nor • Rosesarwandi Bin Saad • Noor Hariri Bin Mohd Noor • Mohamed Fadzil Bin Zolklipli • Mohd Arrif Bin Abdul Majid • Mohamed Nizham Bin Abdullah Hamidi • Fairul Nizam Bin Roslan • Dato Mohd Zaidy Bin Abdul Kadir • Harmizan Bin Abdul Halim • Tengku Haphiz Bin Tengku Putera • Ir Abdul Aziz Bin Julkarnain • Mohd Hairi Bin Mad Shah

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

## PENDAHULUAN

**أَوَلَمْ أَصْبِرْكُمْ مُّصِيْبَةً قَدْ أَصْبَثْمُ مُّتْنِيْهَا قُلْثُمْ أَنَّى هَذَا قُلْنُ هُوَ مِنْ  
عِنْدِ أَنْفُسِكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ**

“Apabila kamu ditimpa musibah kekalahan (dalam peperangan Uhud), sedangkan kamu telahpun diberikan kemenangan (dalam peperangan) seperti itu sebanyak dua kali ganda (dengan menimpakan kekalahan kepada musuh dalam peperangan Badar), kamu berkata: “Dari mana datangnya (kekalahan) ini? ”Katakanlah (wahai Muhammad): “(Kekalahan) itu ialah dari kesilapan diri kamu sendiri (melanggar perintah Rasulullah)”. Sesungguhnya Allah Maha Berkusa atas tiap-tiap sesuatu.”

(Surah Ali Imran: Ayat 165)

Sidang perwakilan Pemuda yang dihormati sekalian,

## KIFARAH KEKALAHAN

1. Firman Allah SWT yang saya bacakan sebentar tadi mempunyai terlalu banyak **'ibrah atau pengajaran** buat kita semua:
  - 'Ibrah buat kita semua **yang alpa** setelah mengecap beberapa siri kemenangan bergaya dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) dan kemenangan besar dalam siri-siri Pilihanraya Negeri;
  - 'Ibrah buat kita semua **yang lalai** setelah diuji seketika dengan jawatan dan kedudukan walaupun sudah mengecap kemanisan bangkit kembali;
  - 'Ibrah buat kita semua **yang leka** dengan habuan dan ghanimah, lantas mula berantakan dan saling bercakaran sesama sendiri hingga meranapkan parti.
2. Hakikatnya kekalahan dalam PRU-14, 2018 sehingga kita menjadi pembangkang selama 22 bulan belum cukup untuk menginsafkan kita semua. *Kita tidak lagi terapung sama hanyut, terendam sama basah. Kita*

*tidak lagi seliang bagi tebu, serumpun bagi serai. Kita hanyalah enau dalam belukar, yang cuma tahu melepaskan pucuk masing-masing demi kuasa.*

3. Kelemahan-kelemahan inilah yang akhirnya dimanipulasi sehingga lawan kita menang bergaya dalam PRU-15 lalu. Sedangkan kita pula tumbang tanpa disangka-sangka. *Ibarat orang lain mandi berselam, kita pula hanya mandi setimba.*
4. Inilah **kifarah** kekalahan yang cukup besar kepada kita. Yang menjadi peringatan peri pentingnya penyatuan hati dan wala' kepada pimpinan. Yang menjadi petanda betapa besarnya bahana sompong dan sikap lupa daratan akibat ghairah dengan jawatan dan kedudukan. *Seperti gadis jolong bersubang, seperti bujang jolong berkeris.* Sombong dan angkuh dengan kesenangan dan kemuliaan yang sifatnya sementara.

Sidang perwakilan Pemuda yang dihormati sekalian,

### TEORI PUSAT GRAVITI

5. Dalam ilmu Sains Politik, ada satu teori yang dikenali sebagai '**Centre of Gravity Theory**' atau **Teori Pusat Graviti**. Menurut teori ini, kekuatan ataupun kelemahan sesebuah organisasi terletak kepada **institusi kepimpinannya**.
6. Sekiranya pusat graviti ini dilemahkan atau dirosakkan, maka sebesar-besarkan planet pun boleh hancur kerananya. Seluas-luas cakerawala pun boleh huru-hara kerana kemusnahannya.
7. **Presiden adalah pusat graviti kepada parti.** Yang Amat Berhormat Presiden bukanlah individu tetapi sebuah institusi. Lemah institusi Presiden, lemahlah organisasi. Hancur institusi Presiden maka musnahlah kekuatan parti.
8. Sebab itulah strategi menyerang peribadi pemimpin, membunuh karakter pemimpin, dan menghancurkan kredibiliti pemimpin adalah

senjata paling ampuh bagi melemahkan dan menundukkan mana-mana organisasi.

9. Buktinya jelas di hadapan kita. Daripada PRU-14 hingga PRU-15, kedua-dua kepimpinan tertinggi parti dibunuh kredibilitinya, dan diwajahkan dengan persepsi hodoh akibat pendakwaan politik terpilih dengan begitu dahsyat hingga mengakibatkan UMNO jatuh tersungkur.
10. Malangnya kita sendiri yang merelakan segala kebobrokan yang berlaku. Pentas media sosial peribadi dibuka ruang untuk kepimpinan sendiri dihina. Malah kita khayal dan seronok dengan gegak gempita, sorak sorai penonton tatkala memerli dan merendahkan parti sendiri.
11. Lebih menyediakan apabila kewujudan *api dalam sekam, gunting dalam lipatan dan musuh dalam selimut* yang berkempen dalam pilihanraya dengan cara mengutuk parti dan Presidennya sendiri.
12. Tak pernah terbayang dek akal kita, bagaimana pemimpin-pemimpin yang sudah berpuluhan tahun hidup mewah di atas keringat dan air mata ahli-ahli parti, tetapi kali ini memilih memburukkan parti dan kepimpinan hanya kerana mereka tidak dapat menjadi calon lagi.
13. Sesetengah calon kita juga memilih untuk menjadi ‘hero’ dengan mencerca parti. Dijaja kononnya mengundi beliau bermakna undi untuk memulihkan UMNO yang sesat, rosak dan korup. Seolah-olah dia salah satu-satunya yang paling suci, paling sempurna, dan paling hebat segala-galanya.
14. Apa hodoh sangatkah UMNO yang menatang mereka sehingga sesetengahnya dapat beberapa kali menjadi menteri? Apa busuk sangatkah kepimpinan kalau mereka yang berulang kali khianat pun masih diberi tempat bertanding oleh parti?
15. Jadi bagaimana rakyat nak percaya UMNO dan Barisan Nasional mampu memimpin negara? Bagaimana rakyat nak yakin bahawa kita boleh membawa kestabilan jika pemimpin atasan dilihat bercakaran?

Bagaimana rakyat nak mengundi BN jika kita sendiri berpecah belah dan saling kata mengata? Bak kata peribahasa Inggeris, "**a house divided against itself cannot stand**". Realitinya, 2018 kita kalah kerana fitnah. 2022 kita kalah kerana berpecah!

16. Ini adalah ulangan kepada 'ibrah **Perang Uhud** yang asalnya kita menang, tetapi kerana culas mentaati perintah pemimpin, maka pasukan Islam akhirnya tumbang kali pertama dalam perang melawan Musyrikin.
17. Sebab itulah Nabi Muhammad SAW sendiri berkali-kali mengingatkan peri pentingnya **mentaati pemimpin** tatkala senang maupun susah, **mempertahankan pemimpin** samada yang disukai ataupun yang dibenci:

مَنْ أَتَكُمْ وَأَمْرُكُمْ حَمِيعٌ عَلَى رَجُلٍ وَاحِدٍ، يُرِيدُ أَنْ يَشْقَ عَصَاكُمْ، أَوْ  
يُفَرِّقَ جَمَاعَتَكُمْ، فَاقْتُلُوهُ

**"Apabila datang kepada kamu seseorang dan ketika itu kamu sedang diuruskan oleh seorang pemimpin, tiba-tiba orang itu mengajak kamu untuk meninggalkan pemimpin dan sekali gus hendak merobek perpaduan antara kamu, maka hapuskanlah orang itu."**

(Riwayat Muslim)

18. Atas asas inilah, dalam dua (2) ucapan dasar sebelum ini, Pemuda tidak pernah berganjak dengan pendirian untuk terus mempertahankan institusi kepimpinan parti '*without fear or favour*'. Pemuda tidak boleh bersikap hipokrit, *melambung pemimpin tatkala menang, tetapi memijak lumat pemimpin tatkala jatuh kecundang.*
19. Justeru, Pemuda mendesak agar saki baki pengkhianat parti yang selama ini menjadi *api dalam sekam, gunting dalam lipatan*, mengutamakan diri daripada parti agar disingkirkan daripada terus menjadi barah yang merosakkan seluruh organ dan jasad parti UMNO ini.

Sidang perwakilan Pemuda yang dihormati sekalian,

*Anak Cina memasang lukah,  
Lukah dipasang di Tanjung Jati,  
Walau tumbang terus melangkah,  
Itu tanda pahlawan sejati*

### **MENERIMA REALITI KERAJAAN PERPADUAN MALAYSIA**

20. Selaku generasi **Pemuda Bangkit Kembali**, kita tidak harus berterusan rasa gundah gulana, rasa kecewa hingga hilang arah dan berputus asa.
21. Kita harus bersyukur kerana Allah masih menyayangi kita. Kita harus sedar dan insaf, walaupun dengan segala kebobrokan dan kepincangan, Allah masih memberi **PELUANG KEDUA** kepada kita.
22. Siapa sangka kita masih mampu menjadi sebahagian daripada Kerajaan hari ini? Siapa sangka dalam keadaan kita tewas, kita berupaya menjadi sebahagian daripada Kerajaan?
23. Bahkan angka 30 bagaikan ‘perfect numbers’ untuk membentuk gabungan baharu dengan seteru lama yang punya 82 kerusi, sekali gus menubuhkan **Kerajaan Perpaduan Malaysia** dengan 112 majoriti mudah. Bukan jalan yang dirintis oleh kelompok 73!

**Tujuh Puluh Tiga Pintu  
Tujuh Puluh Tiga Jalan  
Yang Sampai Hanya Satu Jalan  
Ribu-Ribu Margasatua  
Mencari Raja Si Muraq  
Yang Sampai Hanya Tiga Puluh  
Oooo....Sang Al-Gojo  
Oooo....Nanti Dulu**

(M.Nasir, Tanya Sama Itu Hud Hud)

24. Ini semua aturan Allah. Ini semua perencanaan Allah. UMNO pada peringkat awal pasrah dan bersedia untuk berada di blok pembangkang bagi kita meneruskan **agenda semak dan imbang**. Biarlah Pakatan Harapan yang mempunyai 82 kerusi dan Perikatan Nasional 73 kerusi bergabung bagi menguruskan Kerajaan.
25. Namun, setelah empat (4) hari negara buntu dalam mencari penyelesaian, atas prinsip "Kesetiaan kepada Raja dan Negara", keputusan pahit harus ditelan, pedih terpaksa ditahan untuk kita bersama-sama membentuk Kerajaan Perpaduan bagi memenuhi aspirasi citra baharu Malaysia.
26. Penyertaan UMNO dalam Kerajaan Perpaduan Malaysia sebagaimana yang diputuskan oleh **Majlis Kerja Tertinggi UMNO pada 23 November 2022** wajar disokong sepenuhnya.
27. Pendirian tersebut bukan sahaja diambil bagi menjunjung titah YDP Agong yang mahukan kestabilan buat negara dan rakyat, tetapi turut mengambil kira kepentingan UMNO sebagai parti yang sentiasa mendakap konsep **perkongsian kuasa dengan pelbagai kaum** namun tetap tegas **mempertahankan sifat keindukan Melayu-Islam Bumiputera**.

## KEINDUKAN ISLAM MELAYU-BUMIPUTERA

28. Saya pernah menegaskan perkara ini semasa Ucapan Dasar Ketua Pemuda Tahun 2019. Izinkan saya untuk memetik semula bait-bait ucapan berkenaan di perenggan 51.

Saya petik:

*"Resipi kejayaan-kejayaan ini sudah tentu terkait*

dengan soal **kestabilan politik**. Harus diingat kestabilan politik negara hanya mampu dicapai berdasarkan konsep **perkongsian kuasa kaum-kaum utama** dalam wadah yang berakarkan **keindukan Melayu-Islam-Bumiputera**"

29. Dalam Ucapan Dasar saya tahun 2018 juga saya ada menegaskan orientasi perjuangan UMNO yang tidak pernah bersifat ekstrim perkauman mahupun keagamaan.

Saya petik:

*"Selama tujuh (7) dekad UMNO di persada politik negara, UMNO tidak pernah bersifat ekstrim baik ke kanan (atau istilah popular hari ini, far right/rightist) mahupun ke kiri (far-left/leftist). Ertinya **parti ini sentiasa berada di jaluran tengah** atau istilah Al-Qurannya: Wasatiyyah yang membawa makna Adil, Cemerlang dan Seimbang"*

30. Mungkin ada hikmahnya apa yang berlaku hingga mendorong kita membentuk **kerjasama politik baharu** dalam sebuah gabungan parti-parti politik yang mewakili pelbagai kaum dan etnik dan bukannya bersama gabungan yang dilihat hanya mewakili satu kaum semata-mata.
31. Sebab itulah kita tidak boleh menjadi **jumud**, dan menganggap sesbuah parti itu akan menjadi kawan atau lawan selamanya. Kita tidak boleh menjadi tegar (**rigid**) dan menganggap permuafakatan politik sedia ada sudah sempurna tanpa mengambil kira realiti dan aspirasi rakyat di luar sana.
32. Kita tidak boleh menjadi kolot, dan menganggap segala strategi politik kita selama ini sudah hebat, sedangkan musuh lebih berani meneroka jalan bahkan *menangguk di air keruh* demi kuasa.
33. Dalam konteks ini ada baiknya kita mengambil 'ibrah daripada keanjalan fiqh siasah dan dinamika politik Nabi SAW yang dizahirkan melalui perjanjian dikenali '**Hilf Al-Fudul'** dengan Kafir Quraisy di Mekah dan permuafakatan dengan Yahudi di Madinah.

34. Kalau ikutkan emosi, buat apa berdamai dengan pihak yang bukan sekadar mengguris perasaan tetapi di tangan mereka jugalah darah para syuhada' dalam kalangan sahabat dan kerabat Nabi terkorban.
35. Kalau ikutkan sentimen, buat apa berpaktat dengan pihak yang jelas memusuhi Islam dan selamanya tidak akan pernah mahu merestui perjuangan Islam.
36. Namun kerjasama antara Nabi dengan sekutu Baginda tidak sesekali menggadaikan akidah dan perjuangan agama. Nabi tidak sesekali berkompromi pada perkara yang melibatkan prinsip dan kedaulatan Bangsa dan Negara.
37. Demikianlah juga kerjasama kita dalam membentuk Kerajaan Perpaduan Malaysia bersama parti-parti yang sekian lama menjadi musuh utama bahkan menjadi igauan bagi setiap ahli UMNO untuk menerima DAP sebagai teman.
38. Sudah tentu ia bukan sesuatu yang mudah. Sudah banyak hati yang terguris, sudah banyak jiwa yang terluka. Tetapi **hikmah kerjasama Nabi dengan bukan Islam** demi memastikan agama dan bangsa ini terus subur menjadi panduan kita.
39. Kita tidak sesekali akan tunduk atau akur pada apa-apa tuntutan yang akan menjelaskan kedudukan Islam, Melayu-Bumiputera dan Institusi Raja-Raja. Jauh sekali mahu terlentang di atas jalan raya menghalang kereta Sultan hanya kerana tidak mahu Kerajaan sekutu mereka tumbang suatu masa dahulu. **Itu bukan cara orang Melayu-UMNO!**
40. Kita bermusuh ada hadnya. Kita bersahabat pun berpada-pada. Maka Pemuda hendak mengingatkan kepada semua sekutu kita dalam Kerajaan, andainya berhajat pentadbiran ini kekal lama, maka **UTAMAKANLAH RAKYAT**. Tunjukkanlah kejayaan dan kemampuan kita bersama-sama. Jangan diulang gelojob Kerajaan 22 bulan yang akhirnya memakan diri dan menjauhkan sokongan majoriti.





Sidang Perwakilan Pemuda yang dihormati sekalian,

*Batang selasih permainan budak,  
Daun sehelai dimakan kuda,  
Jika berselisih jangan bergelodak,  
Jika berpakat berpada-pada*

## MELESTARIKAN PERJUANGAN UMNO

41. Apa yang berlaku seharusnya mengajar kita agar tidak mengulangi kesilapan serupa. Apa yang berlaku seharusnya mendewasakan kita betapa sudah tiba masanya parti ini melakukan **perubahan radikal** bukan sahaja dari segi orientasi tetapi juga gerak kerja.
42. UMNO tidak boleh lagi berasa gah dengan **jumlah lebih 3.4 juta ahli dengan jaringan Bahagian dan Cawangan yang mengakar di hampir setiap kampung dan desa**. Sedangkan jumlah ahli yang ramai sahaja tidak menjamin kemenangan dalam pilihanraya.
43. UMNO tidak boleh lagi berasa bangga dengan **kekuatan jentera parti yang masih menggunakan pendekatan tradisional**. Sedangkan musuh yang jauh lebih kecil jenteranya, mampu menewaskan kita dengan memanfaatkan teknologi komunikasi semaksimumnya.
44. UMNO perlu terbuka untuk memahami **pola pemikiran rakyat jelata** hari ini. UMNO mesti sedar bahawa perubahan kehendak rakyat adalah terlalu pantas seiring dengan kepentasan teknologi masa kini.
45. UMNO mesti berani **beradaptasi mengikut iklim politik** semasa. UMNO mesti bersedia **mengubah strategi dan pendekatan** untuk memikat hati dan minda pengundi, tanpa meleburkan prinsip perjuangan agama dan bangsa.
46. Benar, hati kita masih luluh, hampa dan kecewa, ekoran keputusan PRU-15 sehingga pelbagai persoalan terus bermain di minda kita semua.
  - Apakah **politik khidmat bakti** yang kita pelopori selama ini masih lagi relevan?

- Apakah politik ini hanya cukup bermain dengan sentimen dan **isu-isu nasional** bagi meraih sokongan?
  - Atau apakah kita rela menggadaikan prinsip moral dan agama dengan mengambil jalan mudah untuk **menyogok undi**, lantaran kecawa dengan fenomena hujan sehari yang memadamkan panas setahun?
47. Justeru, Pemuda UMNO mendesak agar **Suruhanjaya Pilihanraya (SPR)** segera mengambil tindakan terhadap semua petisyen Pilihanraya yang telah dikemukakan mengenai **salah laku sogokan wang** bahkan ada video yang membuktikan amalan merasuah pengundi dengan menggunakan nama Allah.
48. Pemuda UMNO juga mengucapkan syabas kepada pihak **Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)** yang mula mengambil tindakan menangkap suspek yang terlibat dalam **kes penyelewengan RM92.5 bilion pakej rangsangan**, yang diluluskan dalam tempoh darurat. Khabarnya lebih ramai lagi yang akan ditahan dan diambil tindakan.
49. Ini mengesahkan lagi kesangsian kita selama ini bahawa kemungkinan berbilion-bilion duit rakyat disakau melalui projek-projek rundingan terus yang diluluskan dalam tempoh Darurat Kerajaan Perikatan Nasional (PN) terdahulu.
50. Barangkali mungkin sebab itu jugalah ada parti yang selama ini bersandiwar dengan mengutip duit syiling untuk memasang bendera, kini boleh berkempen dengan berbelanja mewah sehingga ratusan ringgit dibayar kepada pengundi luar dan mahasiswa!
51. Barangkali mungkin sebab itu juga ada parti yang baru setahun jagung ditubuh, tiba-tiba begitu mewah dalam berkempen sehingga mampu berbelanja jutaan ringgit bagi menyogok pengundi muda dan pengundi kali pertama.
52. Namun, jangan sesekali lupa akan aturan Allah SWT. Menang banyak pun belum tentu boleh menjadi Kerajaan. Percayalah kepada prinsip

**KEBERKATAN!** Kemenangan yang diperoleh dengan cara yang salah dan tidak diredhai Tuhan, belum tentu memberikan natijah kebaikan yang berkekalan.

53. Sesungguhnya **kekalahan dalam kemulian lebih baik daripada kejayaan dalam kehinaan**. Jangan di mulut sahaja melaung-laungkan Islam, tetapi perbuatannya kufur nikmat dan melanggar aturan Tuhan.
54. Justeru, Pemuda UMNO menggesa agar pihak **SPRM dan Peguam Negara** terus memburu dan segera mendakwa mereka yang disyaki terlibat dalam rasuah dan penyelewengan berbilion-bilion wang rakyat di sebalik slogan BERSIH STABIL yang dicanang-canangkan.
55. Jangan ada lagi pilih kasih! Jangan ada lagi pendakwaan politik terpilih! Hingga ramai yang menjadi mangsa penganiayaan, penghinaan dan dimalukan bertahun-tahun lamanya. Ingat!

***"What Goes Around Comes Around"***

**كما تَدِينُ ثُدُّانٌ**

***"Bagaimana Kamu Lakukan, Begitulah Kamu Diperlakukan"***

56. Sekali lagi Pemuda UMNO mahu Kerajaan segera menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Di Raja (RCI) bagi mengambil tindakan keras atas segala pendedahan Tommy Thomas yang jelas menzhahirkan wujud pendakwaan terpilih malah campur tangan politik dalam badan kehakiman negara.
57. Pemuda UMNO juga ingin mencadangkan agar semua pemimpin-pemimpin UMNO yang telah dibebaskan oleh Mahkamah agar **bersepakat menyaman Tommy Thomas** yang terbukti berniat jahat hanya untuk memalukan dan merosakkan reputasi UMNO dengan pendakwaan politik terpilih.

58. Biar menjadi pengajaran bahawa Melayu-UMNO ini bangsa yang **tidak pernah tunduk kepada ugutan, tidak mengemis belas kasihan, tidak melutut kepada kezaliman!**

Sidang Perwakilan Pemuda yang dihormati sekalian,

### PERANAN PEMUDA DALAM KERAJAAN

59. Dengan terbentuknya kerjasama Kerajaan Perpaduan Malaysia hasil ilham dan kebijaksanaan Yang DiPertuan Agong ini, Pemuda UMNO perlu menjadikannya sebagai inspirasi untuk melakukan **introspeksi, evaluasi dan koreksi**. Kerana belum tentu kesempatan dan peluang ini muncul lagi. Bak kata pepatah Inggeris, *we have to make hay while the sun shines.*
60. Saya menyeru agar seluruh kerabat Pemuda UMNO untuk menerima amanah berada dalam Kerajaan ini dengan penuh **rendah diri dan tawadhu’**.
61. Ingin saya gariskan tiga peranan utama yang perlu dimainkan oleh seluruh Pergerakan Pemuda UMNO dalam Kerajaan Perpaduan Malaysia hari ini:

### PERTAMA: PEMUDA KEKAL JURUBICARA RAKYAT

62. Pemuda mesti terus memainkan peranan bersama-sama Kerajaan untuk memastikan rakyat mendapat pembelaan, kebajikan mereka dipelihara, keluh kesah mereka didengari dan denyut nadi mereka dijawi.
63. Episod kemelut politik yang berpanjangan mestilah dinoktahkan. Tumpuan seharusnya diberikan ke atas usaha mendepani kepelbagai cabaran. Terlalu banyak isu rakyat yang perlu diberikan keutamaan dan disegerakan penyelesaian;
- prospek ekonomi yang dijangkakan mengalami kelembapan akibat ketegangan geopolitik antara Amerika Syarikat dan China;

- peperangan di Ukraine yang tiada kesudahan;
  - ancaman perubahan iklim yang tidak menentu seperti banjir dan kemarau;
  - tekanan inflasi yang semakin hari semakin naik mendadak;
  - dasar monetari bank-bank pusat seluruh dunia yang lebih agresif memungkinkan berlakunya krisis ekonomi yang hebat;
  - kebimbangan gelombang baharu COVID-19 yang menjadi ancaman kesihatan dan mengantui rakyat;
  - kenaikan harga barang dan kos sara hidup yang mencanak samada di bandar maupun di desa;
  - kekurangan bekalan makanan (food security) menyukarkan lagi kehidupan harian serta mengganggu ekosistem pengurusan rantaian bekalan; dan
  - peningkatan kadar kebankrapan dalam kalangan peminjam khususnya generasi muda semakin membimbangkan akibat dari peningkatan OPR.
64. Kerajaan Perpaduan Malaysia mesti bersedia menghadapi kegawatan ekonomi ini. Kerajaan wajib mengambil segala langkah perlu untuk mengukuhkan keadaan fiskal negara dengan mengimbangi pendapatan dan perbelanjaan, mencari jalan meningkatkan hasil Kerajaan serta menstrukturkan semula ekonomi negara melalui dasar yang berkesan.
65. Justeru, keterlibatan Pemuda dalam menjayakan agenda Kerajaan amat diharapkan agar segala perancangan dapat disusuli dengan berkesan. Pemuda mesti terus menjadi **JURU BICARA RAKYAT** dengan memperjuangkan isu-isu ini agar sentiasa diberikan perhatian oleh Kerajaan.
66. Jangan sama sekali kita menjadi bisu jika ada kelemahan, atau kononnya atas niat nak menjaga hati kawan. Politik UMNO adalah politik yang **meletakkan rakyat sebagai keutamaan**.

## KEDUA: PEMUDA HARUS PERKASA JATI DIRI

67. Perubahan generasi, modenisasi dan perkembangan teknologi telah menyebabkan berlakunya **liberalisasi politik** yang mempengaruhi corak pemikiran dan watak generasi muda.
68. Generasi muda hari ini tidak lagi teruja dengan nostalgia sejarah silam mahupun agenda besar yang berat-berat. Sentimen dan pemikiran mereka trendy, ringan dan mudah (*Like or Swipe*).
69. Justeru, kita menggalas tanggungjawab besar untuk memperkasakan jati diri generasi muda dalam realiti zaman yang begitu mencabar kini.
70. Sebelum kita menyantuni kepelbagaiannya ragam anak muda masa kini, setiap dari kita perlu benar-benar menjiwai falsafah, asas dan tujuan kita berjuang dalam UMNO. Pemuda UMNO perlu **memperhebatkan penghayatan agama, memperkuuhkan nilai-nilai bangsa serta mengidentifikasi diri sebagai pemuda yang mempunyai ketinggian ilmu, bersahsiah mulia serta mempunyai pesona kepimpinan yang berwibawa**.
71. Pemuda UMNO juga perlu menjadi **lebih produktif untuk bersaing di pentas politik, mempunyai daya juang, daya tahan yang tinggi, keberanian untuk mempertahankan prinsip dan ideologi serta sentiasa kreatif menyerlahkan potensi diri**.
72. Kuncinya mudah, program-program ilmu seperti **Halaqah Ilmu Pemuda dan siri-siri kursus latihan jangan sesekali diremeh, sebaliknya hendaklah terus disemarakkan**. Setiap ahli tidak boleh hanya berbangga memegang kad ahli bernombor siri, tetapi mesti dicanai idealisme perjuangan sejati!

## KETIGA: PEMUDA PERSIAP PEWARIS KEPIMPINAN

73. Untuk terus kekal relevan dalam landskap politik tanahair, UMNO perlu mempersiapkan **generasi pewaris kepimpinan yang unggul** dan mampu membangkitkan semula agenda perjuangan.

74. Itu sebab sejak dari awal menawarkan diri untuk memimpin saudara-saudara, Agenda pengisianan Pemuda 5P (**PENGKADERAN, PENTARBIYAHAN, PEMBUDAYAAN ILMU, PEMERKASAAN ROHANI DAN PENGUKUHAN JATI DIRI**) yang berpaksikan konsep **KADERISASI** dan **REGENERASI** merupakan keutamaan yang saya gariskan.
75. Sebab itulah selama hampir lima (5) tahun menggalas amanah ini, 191 Bahagian telah dijelajahi dari Perlis sehingga ke Sabah. Pelbagai program pengkaderan kita gerakkan bersama.
76. Penubuhan **Skuad Sabil** umpamanya dengan keanggotaan **2,684** orang, ditambah dengan **Sukarelawan Sabil** seluruh negara seramai **34,380** orang, berperanan menjadi barisan hadapan parti menawarkan khidmat bakti kepada rakyat tanpa sebarang imbuhan di samping memugar nilai kesukalewan yang tinggi.
77. Penubuhan **UMNO Siswa** pula adalah kesinambungan usaha mewujudkan satu platform bagi menggalakkan penyertaan mahasiswa sebagai kader utama parti. Pengaktifan semula **Putera UMNO** sebagai entiti yang berusaha mendampingi dan menarik minat generasi muda berusia 18–25 tahun seiring dengan pindaan Perlembagaan Persekutuan.
78. Semua ini merupakan **PROGRAM KADERISASI** dan **PROSES REGENERASI** yang amat mustahak bagi sesbuah organisasi politik untuk memastikan “sustainability” atau kelangsungan UMNO sebagai sebuah parti.
79. Pemuda UMNO **WAJIB** untuk terus berusaha membangunkan sistem pengkaderan yang bukan sahaja mampu menambahkan keahlilan, tetapi mempersiapkan mereka dengan idealisme perjuangan sejati.
80. Untuk itu juga **Kelab UMNO Luar Negara** perlu kembali diperkasa agar ia menjadi pusat melahirkan kader-kader dan bakat-bakat berkualiti luar negara.
81. UMNO juga tidak harus lupa pada **NGO-NGO belia** seperti **Belia 4B, GPMS, MAYC** dan yang seangkatan dengannya yang selama ini menjadi

platform buat kita mengkader pelapis dalam kalangan pimpinan belia yang telah mempunyai pendedahan memimpin masyarakat serta mengurus organisasi.

82. Ambillah kesempatan keberadaan kita dalam Kerajaan pada kali ini untuk kita memperhebatkan gerak kerja **KADERISASI** dan **REGENERASI** parti.
83. Ingatlah, agenda **KADERISASI** dan **REGENERASI** ini bakal menjadi penentu kepada jatuhan bangun kita dalam pilihanraya-pilihanraya mendatang! Ingatlah, agenda **KADERISASI** dan **REGENERASI** juga menjadi penentu UMNO boleh kekal relevan pada masa hadapan!

Sidang Perwakilan Pemuda yang dihormati sekalian,

### **PEMUDA TERUS BANGKIT**

84. **Bahtera UMNO** ini sudah pasti tidak akan sunyi dari dilanda badai. Namun, kitalah anak kapal yang terus setia bersama nakhoda menempuh samudera perjuangan yang penuh gelora.
85. Kitalah yang selama ini bertahan dan terus beristiqamah menyambung legasi sebuah perjuangan. Kitalah yang menjadi harapan dan sandaran masa depan UMNO untuk terus menerus **melakar kebangkitan demi kebangkitan**.
86. Kita bersama telah melalui satu **pengembaraan perjuangan yang hebat**. Bermula dari kekalahan pada PRU-14, dengan slogan “**BANGKIT KEMBALI**”, Pemudalah yang berani merancang gerakan dan mengorak langkah ke depan menabur khidmat bakti tatkala UMNO dipandang hina dan sepi.
87. Meskipun ditekan hebat oleh musuh dan lawan, kitalah Pemuda yang menggenggam amanah merancang “**REKAYASA KEBANGKITAN**” dengan pelbagai usaha, kudrat dan pengorbanan.
88. Demi memastikan UMNO bangkit bermaruah, kita tenang meneruskan navigasi memandu arah Pemuda menuju “**DESTINASI KEBANGKITAN**”.

89. Dengan ketinggian iltizam, kita terus bekerja kuat, berusaha dari semasa ke semasa demi memastikan UMNO kembali "**MENJULANG MANDAT RAKYAT**".
90. Dan kemuncaknya, kitalah Pemuda yang menjadi barisan hadapan memasuki medan peperangan, berjuang dengan penuh keikhlasan. Bersama impian tertegaknya sebuah Kerajaan yang berteraskan "**Kestabilan dan Kemakmuran**".
91. Namun,

Kita redha dengan apa yang telah Allah takdirkan...  
Kita pasrah dengan hati terbuka bersulam keinsafan...  
Kita bermuhasabah memperbaiki kekurangan...  
Kita tidak dididik untuk saling salah menyalahkan, menuding jari mencari kekhilafan teman seperjuangan...  
Kita tolak perpecahan dan perbalahan yang tidak menguntungkan...  
Kita singkirkan pengkhianat yang berusaha memporak perandakan...  
Kita rapatkan barisan, persiapkan diri semula untuk turun ke medan perjuangan...

Wahai Pemuda-pemudaku...  
Dengarlah baik-baik apa yang ingin kusampaikan...  
Renungilah bait-bait kata yang ingin kulafazkan...  
Hayatilah ia agar menjadi bekal buat kalian meneruskan perjuangan...

Telah kita tempuh segala kesukaran...  
Telah kita alami segala kepahitan dan kedukaan...  
Telah kita lalui segala ranjau perjuangan...  
Kita belajar dari pengalaman dan kematangan...  
Kita kenal siapa kawan dan siapa lawan...  
Kita tidak berputus asa, terus menerus menyusun kebangkitan...  
Wajah-wajah kalian akan sentiasa terpahat diingatan...  
Wajah-wajah inilah yang menginspirasikan harapan...  
Wajah-wajah Pemuda inilah, menjadi sandaran UMNO di masa hadapan...  
Terima kasih atas kesetiaan dan kebersamaan...  
Terima kasih atas segala sokongan dan dokongan...  
Terima kasih atas setiap pengorbanan yang dicurahkan...

Ayuh saudara-saudaraku... Bingkaslah bangun...  
Perjuangan ini belum sampai ke penghujungnya...

Bahtera UMNO perlu berlayar semula...  
 Luka peperangan rawatlah segera...  
 Pertempuran-pertempuran bakal bermula...  
 Tiada masa untuk bersedih, gundah gulana mahupun melayan kecawa...

Kibarkan kembali panji Sang Saka Bangsa...  
 Kobarkan semangat gelora Pemuda...  
 Kemaskan langkah panglima...  
 Khabarkan kepada lawan di luar sana...  
 Bukalah mata bahawa UMNO tetap ada penyambung legasinya...  
 Pemuda masih ada...  
 Pemuda kekal setia...  
 Pemudalah Pewaris perjuangan bangsa...

Pemuda....TERUS BANGKIT!  
 Pemuda....TERUS BANGKIT!  
 Pemuda....TERUS BANGKIT!

## PERIBAHASA DAN PERUMPAMAAN

1. **Terapung sama hanyut, terendam sama basah.**  
 Kesenangan atau kesusahan bersama-sama ditanggung
2. **Seliang bagi tebu, serumpun bagi serai.**  
 (Orang yang) seja sekata; Bersatu hati dalam segala hal
3. **Enau dalam belukar, yang cuma tahu melepaskan pucuk masing-masing.**  
 Tidak semuafakat dalam suatu perbincangan
4. **Ibarat orang lain mandi berselam, kita pula hanya mandi setimba.**  
 Orang lain mendapat keuntungan besar, kita mendapat keuntungan kecil.
5. **Seperi gadis jolong bersubang, seperti bujang jolong berkeris**  
 Sombong kerana kekayaan (kebahagiaan) yang baru diperoleh
6. **Api dalam sekam**  
 Perbuatan jahat atau rindu dendam yang tersembunyi.
7. **Gunting dalam lipatan**  
 Musuh yang ada dalam kalangan sesuatu kumpulan tanpa disedari.
8. **Musuh dalam selimut**  
 Musuh yang tiada diketahui, yang sangat dekat atau yang ada dalam lingkungan sendiri.
9. **Menangguk di air keruh**  
 Cuba mengambil kesempatan daripada keadaan kesusahan, kekalutan orang lain demi kepentingan atau keuntungan diri sendiri.
10. **We have to make hay while the sun shines**  
 Mengambil peluang sebaik-baiknya ketika keadaan atau situasi membenarkan
11. **Agar putih tahan sesah, hitam tahan tempa**  
 Tetap tidak berubah, boleh dikaji keasliannya



*Dr Asyraf Wajdi Dusuki*

KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA